

# Pakar tak dapat pastikan ketulenan tandatangan Najib

BERITA HARIAN 6 MAY 2025

m/s: 16

Saksi dapati beberapa persamaan dan perbezaan tulisan tangan pada dokumen

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Putrajaya:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, memanggil pakar forensik dokumen tulisan tangan sebagai saksi pada perbicaraan kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (IMDB) yang dihadapinya.

Saksi pembelaan ke-26 itu, Tay Eue Kam, adalah saksi pakar yang membuat analisis perbandingan di antara tujuh dokumen membatikakan IMDB yang dipertikaikan dengan 31 spesimen tandatangan Najib bagi menentukan kesahihannya.

Tujuh dokumen berkenaan, termasuk tiga Minit Mesyuarat IMDB, surat daripada Menteri Kewangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif IMDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, dan surat kelulusan serta sokongan untuk IMDB berhubung kemudahan pinjaman berjangka yang diatur



Deutsche Bank.

Pada prosiding semalam, Eue Kam memberitahu mahkamah, hasil analisisnya mendapati terdapat beberapa persamaan dan perbezaan pada tandatangan dikatakan milik Najib pada beberapa dokumen berkaitan IMDB.

Bagaimanapun, pakar tulisan tangan daripada PHA Handwriting Analysis Sdn Bhd itu berkata, beliau tidak dapat menentukan kesahihan tandatangan terabit kerana hanya menerima salinan dokumen daripada firma guaman mewakili Najib, Tetuan Shafee & Co bagi tujuan analisis.

## Terima dokumen salinan

"Apabila berurusan dengan dokumen yang disalin semua, kita tidak boleh menolak kemungki-

nan berlaku keadaan tandatangan disalin dan ditampal, jadi perlu dibandingkan dengan salinan asal.

"Semua dokumen yang diterima adalah salinan dan pemeriksaan boleh dijalankan ke atas dokumen yang berkualiti, bagaimanapun terdapat kesukaran dalam mengenal pasti beberapa tulisan tangan yang kritikal bagi dokumen salinan yang tidak berkualiti," katanya.

Saksi itu berkata, dokumen yang disalin semula kadangkala boleh direka.

Pihak pembelaan sebelum ini membangkitkan dakwaan bahawa tandatangan Najib pada beberapa dokumen IMDB ditiru atau ditampal berikutan terdapat perbezaan antara satu sama lain.

Antara dokumen berkenaan ialah dokumen berkaitan dengan kelulusan pinjaman berjumlah AS\$975 juta oleh IMDB dengan Deutsche Bank Singapore.

Najib ketika membaca penyataan saksinya ketika membela diri turut mendakwa tandatangan dan tulisannya dipalsukan, termasuk dalam kes penyelewengan dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd.

Eue Kam berkata demikian pada prosiding bela diri Najib terhadap empat pertuduhan menggunakan kedudukan bagi memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana IMDB dan 21 tuduhan pengubahan wang haram.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.